

Nasional

ms 14

Memorial Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

Sedia ditransformasi jadi Perpustakaan Digital Kedah

Kerja naik taraf dijangka siap menjelang 2021, mampu jadi tarikan ramai

Oleh Siti Nur Mas Erah Amran
maserah.amran@bh.com.my

Alor Setar: Memorial Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di sini, yang menempatkan himpunan koleksi tinggalan sejarah perjuangan Bapa Kemerdekaan negara, bakal ditransformasikan menjadi Perpustakaan Digital Kedah (PDK).

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kerja-kerja naik taraf dijangka siap menjelang 2021 dengan menggabungkan elemen teknologi, seni dan warisan, sekali gus diyakini mampu menjadi tarikan komuniti setempat dan pelancong asing.

Katanya, projek Kerajaan Persekutuan berimpak tinggi melalui Pihak Berkuaasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan kos RM15 juta itu adalah ideal kerana membabitkan tapak sejarah warisan Kedah.

“Kalau kita lihat, sesetengah perpustakaan tidak minat dikunjungi, tetapi kalau ada konsep



Mukhriz bersama Guan Eng ketika melawat Bangunan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Alor Setar, semalam.
[Foto Amran Hamid/BH]

baharu mencantumkan teknologi, seni dan warisan, ia akan jadi tarikan amat unik.

“Ia bukan sahaja mampu menarik minat orang ramai, bahkan dapat mencergaskan komuniti dan kehidupan masyarakat. Ini pemberian kerajaan buat rakyat. Kedah yang mahukan fasiliti bertaraf antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian sele-

pas meninjau tapak PDK di memorial itu bersama Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, semalam.

Fasa pertama kerja naik taraf adalah pengubahsuaian bangunan sedia ada dengan mengekalkan warisan sejarah yang dijangka siap tahun depan. Fasa kedua, pembinaan bangunan baharu seperti kafe, dewan dan tempat pembelajaran kanak-kanak.

Sementara itu, Mukhriz berkata, projek terbabit diadaptasi daripada Perpustakaan Digital Pulau Pinang yang dilawatinya baru-baru ini.

“Ia akan menjadi pemudah cara bagi sesiapa yang ingin belajar, buat kerja sekolah, mendapatkan bahan rujukan untuk penyelidikan atau menyelesaikan urusan perniagaan,” katanya.